

Jakmas pacu daya kepimpinan pelajar universiti

UB 18.12.2017 B10

Oleh HENRY BATING

DALAM mendukung visi utama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Kediaman UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) memberi pendedahan kepimpinan kepada Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) tentang pendekatan mendepani masalah pelajar secara berkesan.

Dalam visi Naib Canselor Prof Datuk Dr Kamarudin Mudin, kalangan pelajar memerlukan pendedahan tentang inovatif, relevan dan lestari demi memacu pencapaian diri dan mengabdikan kepada masyarakat apabila memasuki realiti kehidupan selepas pengajian.

“Terdapat pelbagai organisasi pelajar dalam kampus UMS namun kepimpinan Jakmas adalah yang paling utama dan paling dekat dengan pelajar secara keseluruhannya,” kata Prof Dr Ismail Ali ketika merasmikan Bengkel Pemantapan Jakmas UMSKAL.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor UMS Bahagian Hal Ehwal



ISMAIL menyampaikan penghargaan kepada Nabil (kiri).

Pelajar dan Alumni meminta para pemimpin Jakmas memanfaatkan kapasiti kepimpinan mereka untuk memacu daya kepimpinan pelajar dan seterusnya melonjak pencapaian universiti di persada yang lebih terbuka.

Beliau menegaskan bahawa para pemimpin Jakmas adalah mereka yang terpilih dan terbaik dari kalangan terbaik dalam keseluruhan pelajar di kolej kediaman.

Bengkel tiga hari dua malam itu telah diadakan di 1Borneo Kota Kinabalu pada 8-10 Disember lalu dengan melibatkan 20 exco Jakmas. Seramai sembilan

exco terlibat dari kolej kediaman lelaki manakala 11 exco lagi dari kolej kediaman perempuan.

Jakmas kolej kediaman lelaki Beta dipimpin oleh Nabil Fikry sementara

Jakmas kolej kediaman perempuan Alpha dan Mutiara dipimpin oleh Michelle Ma.

Selaras tekad UMS melahirkan pelajar cendekiawan di



HADZARIAH menyampaikan penghargaan kepada Ismail diperhatikan Nur Iman (kanan).



PESERTA membentangkan perancangan program pelajar UMSKAL 2018.

peringkat setempat dan global, pelbagai tajuk dibentangkan dalam setiap slot bengkel itu.

Bengkel diawali dengan ‘Pengenalan Bengkel dan Ice Breaking’ oleh Pengetua Kolej Kediaman UMSKAL, Dr Hadzariah Ismail diikuti slot ‘Fungsi, Peranan dan

Tanggungjawab Jakmas’ yang telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Matusup Rashid.

Pembentangan hari pertama bengkel itu diteruskan lagi dengan slot ‘Cabaran Keselamatan

Kampus dan Mahasiswa’ yang telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Keselamatan UMS Lt Kol (B) Abdul Talib Arifin. Manakala slot ‘Garis Panduan Pembangunan Mahasiswa Kolej Kediaman’ disampaikan pada malamnya oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Ahmadi Nuridin.

Bengkel pada hari kedua memberi pendedahan kepada pelajar tentang ‘Surat-menyurat dalam organisasi’, ‘Perancangan dan Pembentangan Takwim 2018’ serta pengenalan diri secara psikologi bertajuk ‘Warna Kehidupan’ yang telah disampaikan oleh Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar UMSKAL Nur Iman Reedzal.

Sesi malam pada hari kedua bengkel diisi dengan

slot ‘Penjagaan Kesihatan’ yang telah disampaikan oleh Dr Freddie Robinson dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS.

Semua tajuk pembentangan telah disusun atur berdasarkan persoalan rutin yang dihadapi kalangan pelajar di kolej kediaman.

Selaku pemegang amanah universiti, para pemimpin Jakmas bertanggungjawab memantau, mengambil tindakan berasaskan garis panduan serta melaporkan apa juga masalah yang dihadapi rakan-rakan pelajar.

Di samping merancang dan merangka pelbagai program kemahasiswaan, para pemimpin Jakmas berada di garisan hadapan menjaga kebajikan pelajar khususnya dalam hal-hal berkaitan kecemasan.



AHMADI (duduk, tengah) bersama para peserta selepas sesi pembentangan.



PESERTA tekun mengikuti pembentangan pemantapan kepimpinan pelajar UMSKAL.



ISMAIL (duduk, dua kanan) bersama para pemimpin pelajar UMSKAL selepas penutupan bengkel.